

Halimah: Pesakit mental perlu terus diberi sokongan

► **SHAMSUL JANGARODIN**
shamj@sph.com.sg

PEMERINTAH perlu terus mempertingkatkan dan memperkukuh sokongan sedia ada bagi golongan pesakit mental dan pihak penjaga agar mereka mampu menjalani kehidupan yang lebih bermakna kelak.

Ini termasuk dari segi prasarana, kewangan, penyelidikan dan juga pendidikan awam.

Membuat gesaan tersebut, Speaker Parlimen, Cik Halimah Yacob, dalam ucapan di seminar pendidikan awam bagi para penjaga pesakit mental yang pertama anjuran Kelab Heal di auditorium Angkatan Karyawan

Islam (AMP) semalam, berkata:

“Buat masa ini, sudah ada kemudahan seperti kumpulan sokongan masyarakat seperti Kelab Heal. Tetapi saya rasa ia perlu dipertingkatkan serta diperkukuhkan dan pemerintah boleh menghulurkan lebih banyak bantuan kepada kumpulan ini jika kita tidak sekadar mahu menempatkan pesakit mental di institusi kesihatan.”

Medisave kini boleh digunakan untuk merawat empat penyakit mental – kemurungan teruk, skizofrenia, dimensia dan gangguan bipolar.

Adalah difahamkan sesetengah ubat yang lebih berkesan bagi pesakit mental tidak disenaraikan dalam

Senarai Ubat Standard (SDL) yang diberikan subsidi pemerintah.

Dalam pada itu, Cik Halimah juga mengajak para penjaga pesakit mental dan anggota keluarga mereka agar memanfaatkan wadah sokongan yang disediakan, seperti aktiviti anjuran Kelab Heal, kerana “mereka perlu tahu mereka bukan berdepan masalah ini secara sendirian”.

“Menerusi kumpulan sokongan masyarakat ini, mereka dapat diperkayakan dengan kemahiran yang diperlukan tentang penyakit mental. Maklumat yang diterima mereka juga mampu menghakis sebarang stigma dan salah tanggapan mengenai penyakit mental dan men-

dorong mereka untuk mendapatkan rawatan pakar seawal mungkin, dan bukan sekadar menafikannya dan mengaitkannya dengan sebarang ilmu sihir atau akibat dibuat orang,” kata Cik Halimah, yang juga penaung Kelab Heal.

Bilangan pesakit yang datang mendapatkan rawatan di Institut Kesihatan Mental (IMH) menunjukkan trend yang semakin meningkat – daripada 34,998 pada 2010 kepada 35,308 pada 2011 dan 37,038 tahun lalu.

Jumlah pesakit Melayu juga menunjukkan trend meningkat.

Namun, Cik Halimah melahirkan kebimbangannya kerana perang-

kaan pesakit Melayu yang mendapatkan rawatan doktor “masih rendah berbanding bangsa lain.”

Semasa ceramahnya, konsultan psikiatri dari Hospital Gleneagles Kuala Lumpur, Dr Nor Hamidah Mohd Salleh, bersetuju stigma merupakan satu cabaran besar yang membelenggu bukan sahaja pesakit, tetapi juga penjaga dan keluarga mereka.

Memberikan contoh, pesakit mental selalu dianggap berbahaya “tetapi kurang 2 peratus yang sebenarnya berbahaya”.

“Lagi banyak orang yang bukan pesakit mental di luar sana yang lebih berbahaya,” kata beliau sambil berseloroh.